- **Apabila skrin melahu:** kelantangan bagi nada kekunci.
- **During a call:** kelantangan (alat) cuping telinga.

7. SOKET KAD MEMORI MIKRO SD

8. KUNCI/ BUKA KUNCI KEKUNCI

9. KEKUNCI BERBILANG TUGASAN

10. KEKUNCI KAMERA

MEMASANG USIM DAN BATERI

1. TANGGALKAN PENUTUP BATERI

Tekan dan tahan butang pelepas bateri pada bahagian atas telefon dan angkat penutup bateri.



Jangan guna kuku anda semasa mengeluarkan bateri.

Jangan keluarkan bateri semasa telefon dihidupkan kerana ia mungkin akan merosakkan telefon.

2. KELUARKAN BATERI

Tahan bahagian tepi pada atas bateri dan angkat daripada petak bateri menggunakan penutup bateri.



3. MEMASANG KAD USIM

Luncurkan kad USIM ke dalam pemegang kad USIM. Pastikan kawasan sesentuh emas pada kad menghadap ke bawah. Untuk mengeluarkan kad USIM, tarik dengan berhati-hati ke arah bertentangan.



4. MEMASANG BATERI

Masukkan bahagian atas bateri terlebih dahulu ke pinggir atas petak bateri. Pastikan bahawa sesentuh bateri sejajar dengan terminal pada telefon. Tekan bahagian bawah bateri ke bawah sehingga ia berdetap pada tempatnya.



5. MEMASANG SEMULA PENUTUP

Letakkan penutup di atas bateri dan gelongsurkan ke atas kepada kedudukannya.

6. MENGECAS TELEFON ANDA

Luncurkan penutup belakang soket pengecas pada sisi KF900 anda. Masukkan pengecas dan plag ke dalam soket elektrik sesalur utama. KF900 anda perlu dicas sehingga bacaan mesej “Bateri penuh” muncul pada skrin.



KAD MEMORI

MEMASANG KAD MEMORI



Anda boleh membesarkan ruang memori tersedia pada telefon anda menggunakan kad memori.

1. Keluarkan penutup bateri seperti yang ditunjukkan pada halaman 12.
2. Lungsurkan kad memori ke slot pada bahagian atas, hingga ia klik pada tempatnya. Pastikan kawasan sesentuh emas menghadap ke bawah.



MEMFORMAT KAD MEMORI

Kad memori anda telah sedia diformatkan. Jika kad belum diformat, anda perlu melakukannya sebelum anda mula menggunakannya.

1. Daripada skrin siap sedia pilih , kemudian sentuh  **Tetapan** dan pilih **Tetapan telefon**.
2. Sentuh **Pengurus memori** kemudiah pilih **Memori luaran**.
3. Sentuh **Format** dan kemudian sahkan pilihan anda.
4. Masukkan kata laluan, jika ada yang ditetapkan, dan kad anda akan diformat semula dan sedia untuk digunakan.

Untuk menukar destinasi penyimpanan lalai anda, buka pengurus Memori dari menu tetapan Telefon dan pilih tetapan penyimpanan Utama.

Jika kad memori anda mempunyai kandungan sedia ada padanya, ia akan difailkan ke dalam folder yang betul secara automatik, sebagai contoh, video akan disimpan dalam folder Video Saya.

Pada bila-bila KF900 anda tidak digunakan, ia akan dikembalikan kepada skrin utama anda. Dari sini anda boleh mengakses semua pilihan menu, membuat panggilan pantas dan lihat status telefon anda - begitu juga banyak perkara yang lain.


PETUA SKRIN SENTUH

Skrin utama adalah tempat yang menarik untuk kebiasaan skrin sentuh.

Untuk memilih item, sentuh ikon dengan tepat. KF900 anda akan sedikit bergetar apabila ia mengenal pasti bahawa anda telah menyentuh satu pilihan.




Untuk tatal menerusi senarai, sentuh item terakhir yang kelihatan dan gelangarkan jari anda di atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.


- Tidak perlu menekan dengan kuat, skrin sentuh sudah cukup sensitif dengan hanya sentuhan lembut tetapi teguh.
- Gunakan hujung jari anda untuk menyentuh pilihan yang diperlukan. Berhati-hati untuk tidak menyentuh kekunci lain di sekitarnya.
- Apabila lampu skrin mati, tekan kekunci Buka kunci/Kunci pada sebelah kanan untuk simpan semula skrin utama.
- Jangan tutup telefon dengan kantung atau sarungnya kerana skrin sentuh tidak akan berfungsi jika ada apa-apa bahan menutupinya.








PANGGILAN

MEMBUAT PANGGILAN ATAU PANGGILAN VIDEO


1. Sentuh  untuk membuka pad kekunci.
2. Masukkan nombor menggunakan pad kekunci. Untuk memadam digit tekan kekunci kosongkan.
3. Sentuh kekunci keras  untuk mulakan panggilan.
4. Untuk menamatkan panggilan tekan kekunci keras  .





-  : Buat panggilan suara
-  : Buat panggilan video
-  : Padam nombor atau aksara
-  : Keluar dari pad kekunci dialan

Untuk memasukkan + untuk membuat panggilan antarabangsa, sentuh  untuk dua saat.


Sentuh kekunci kunci/nyah kunci untuk mengunci skrin sentuh untuk mengelakkan panggilan dibuat secara salah.

Anda boleh Membuat panggilan video, Hantar mesej, Simpan nombor atau Cari kenalan dengan mengetik  .


MENUKAR TETAPAN PAD KECUCI DAILAN YANG DIPAPARKAN

1. Sentuh  untuk membuka pad kekunci.
2. Sentuh  dan pilih tetapan skrin Dial untuk menukar paparan pad dialan.
3. Anda boleh menukar gaya fon, saiz dan warna.


MEMBUAT PANGGILAN DARIPADA KENALAN ANDA


1. Daripada skrin siap sedia sentuh  untuk membuka buku alamat atau sentuh tab Kenalan dalam Komunikasi.
2. Anda boleh memilih daripada **Tambah kenalan, Carian, Kumpulan dan Tetapan**.
3. Pilih **Carian**, sentuh **Nama** dan masukkan beberapa huruf pertama kenalan yang anda hendak hubungi.

4. Daripada senarai yang ditapis, sentuh kenalan yang ingin anda hubungi dan pilih nombor yang anda mahu gunakan sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu nombor yang disimpan.
5. Sentuh **Panggilan**.

Anda boleh mencari kenalan anda dari skrin panggil. Sentuh  dan pilih kenalan Carian. Tatal melalui kenalan anda atau masukkan beberapa digit pertama bagi nombor untuk ditapis pada senarai.

MENJAWAB DAN MENOLAK PANGGILAN

Apabila telefon anda berdering tekan  kekunci keras untuk menjawab panggilan tersebut.


Tekan kekunci keras  untuk menolak panggilan masuk.



Melaraskan kelantangan panggilan

Untuk mengubah kelantangan semasa panggilan, gunakan butang atas dan bawah di sebelah kiri telefon.




Dailan cepat


Anda boleh memberi kenalan yang dipanggil dengan kerap kepada nombor dailan cepat.

1. Dari skrin siap sedia sentuh  untuk membuka menu tersebut.
2. Sentuh **Dail cepat**.
3. Mel suara dan Mel video anda telah ditetapkan kepada dail cepat
 1. Anda tidak boleh menukarnya. Sentuh sebarang nombor lain untuk memperuntukkannya pada kenalan dailan cepat.
4. Buku alamat anda akan terbuka. Pilih kenalan yang anda ingin berikan kepada nombor tersebut dengan menyentuh nombor telefon mereka dengan sekali sentuhan.

Untuk menghubungi nombor dail cepat, sentuh  daripada skrin siap sedia kemudian tekan dan tahan nombor yang diberikan sehingga kenalan muncul pada skrin. Panggilan akan dimulakan dengan sendirinya, tidak perlu menekan .

Membuat panggilan kedua


1. Semasa anda memulakan panggilan, pilih nombor yang anda mahu hubungi.
2. Dail nombor atau cari kenalan anda (lihat **Membuat panggilan atau panggilan video** pada halaman 16 untuk mendapatkan butiran).
3. Tekan  untuk menyambungkan panggilan.
4. Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggil. Panggilan permulaan anda akan dikunci dan pemanggil ditunda.
5. Untuk menukar antara panggilan, sentuh  dan pilih **Tukar panggilan** atau tekan nombor panggilan yang ditunda.
6. Untuk menamatkan satu atau kedua-dua panggilan tekan  dan pilih **Tamat** diikuti dengan **Semua**, **Ditahan** atau **Aktif**.

Anda boleh gabungkan panggilan anda dengan memilih  Terima kemudian **Sertai**. **Semak bahawa pembekal rangkaian anda menyokong panggilan persidangan.**

Anda akan dicaj untuk setiap panggilan yang dibuat oleh anda.

Mematikan DTMF

DTMF membolehkan anda menggunakan arahan berangka untuk menavigasi menu dalam panggilan automatik. DTMF dihidupkan secara lalai.

Untuk mematakannya semasa panggilan (contohnya, untuk membuat nota nombor) sentuh  dan pilih DTMF mati.


Melihat log panggilan anda

Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

Sentuh  dan pilih  **Berkomunikasi** dan ketik **Sejarah panggilan**.



Pilih untuk melihat:

- **Semua:** Lihat senarai lengkap kesemua panggilan yang telah didail, diterima dan yang tidak dijawab.
- **Didail:** Memaparkan senarai semua nombor yang telah anda hubungi.
- **Diterima:** Memaparkan senarai semua nombor yang telah menghubungi anda.
- **Tidak dijawab:** Memaparkan senarai semua panggilan yang anda tidak jawab.

Dari sebarang log panggilan sentuh  dan Padam semua memadam semua item yang direkod.

Sentuh mana-mana entri log panggilan tunggal untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.



Menggunakan alihan panggilan

1. Sentuh , pilih  **Tetapan** dan pilih **Tetapan panggilan**.
2. Sentuh **Alihan panggilan** dan pilih **Panggilan video** dan/atau **Panggilan suara**.
3. Pilih sama ada untuk alih semua panggilan, apabila panggilan terlalu sibuk, apabila tidak dijawab atau apabila anda tidak dapat dihubungi.
4. Inputkan nombor yang anda hendak alihkan.
5. Sentuh **Meminta** untuk mengaktifkan.

Caj dikenakan bagi panggilan yang dialihkan. Sila hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan butiran.



Untuk mematikan semua alihan panggilan, pilih Nyahaktifkan semua dari menu Alihan panggilan.

Mengguna sekatan panggilan

1. Sentuh , pilih  **Tetapan** dan pilih **Tetapan panggilan**.
2. Sentuh **Sekatan panggilan** dan pilih **Panggilan video** dan/atau **Panggilan suara**.
3. Pilih mana-mana atau semua keenam-enam pilihan tersebut:
Semua keluar
Antarabangsa keluar
Panggilan antarabangsa keluar
kecuali negara asal
Semua masuk
Masuk apabila di luar negara
4. Masukkan kata laluan sekatan panggilan. Sila semak dengan operator rangkaian anda untuk perkhidmatan ini.

Pilih Nombor dail tetap untuk menghidupkannya dan susun senarai nombor yang boleh dipanggil dari telefon anda. Anda memerlukan kod PIN2 daripada operator anda. Hanya nombor yang termasuk dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.



Menukar tetapan panggilan biasa

1. Sentuh , pilih  **Tetapan** dan pilih **Tetapan panggilan**.
2. Sentuh **Tetapan biasa** (anda mungkin perlu tatal ke bawah untuk melihat ini). Dari sini anda boleh mengubah tetapan untuk:
 - **Tolak panggilan:** Gelangsarkan suis untuk serlahkan senarai Tolak. Anda boleh sentuh peti teks untuk pilih daripada semua panggilan, kenalan atau kumpulan khusus, atau daripada nombor yang tidak didaftarkan (yang tiada dalam kenalan anda). Sentuh **Simpan** untuk menukar tetapan.
 - **Hantarkan nombor saya:** Pilih jika nombor anda akan dipaparkan ketika anda menghubungi seseorang.
 - **Dail semula auto:** Gelangsarkan suis sebelah kiri bagi **Hidup** atau kanan bagi **Mati**.
 - **Mod jawab:** Pilih sama ada untuk menjawab telefon menggunakan kekunci hantar atau sebarang kekunci.
 - **Penjaga minit:** Gelangsarkan suis sebelah kiri bagi **Hidup** untuk mendengar ton setiap minit semasa panggilan.
 - **Mod jawab BT:** Pilih **Bebas tangan** upaya boleh menjawab panggilan menggunakan alat dengar Bluetooth, atau pilih **Telefon bimbit** untuk menekan kekunci pada telefon bimbit bagi menjawab panggilan.

- **Simpan nombor baru:** Pilih **Ya** untuk simpan nombor baru.
- **Pilih talian:** Anda boleh menghantar nombor telefon anda bergantung kepada dua perkhidmatan seperti talian 1 atau talian 2.

Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

Menukar tetapan panggilan video anda




1. Sentuh  , pilih  **Tetapan** dan pilih **Tetapan panggilan**.
2. Sentuh **Panggilan video**.
3. Pilih tetapan bagi panggilan video anda. Tentukan sama ada untuk Menggunakan gambar peribadi/Saiz imej saya dan pilih satu, dan/atau tukar pada Cermin .

KENALAN

Mencari kenalan



Terdapat dua cara untuk mencari kenalan:

Dari skrin siap sedia sentuh

1. Dari skrin siap sedia sentuh kemudian  untuk membuka buku alamat. Untuk memadam digit tekan kekunci Kosongkan kekunci keras .
2. Sentuh **Panggil** atau kekunci keras  untuk mulakan panggilan.


Anda boleh mencari melalui kumpulan dengan memilih Kumpulan. Ini akan memaparkan semua senarai kumpulan anda.

Dari menu utama

1. Sentuh , pilih  **Berkomunikasi**.
2. Sentuh **Kenalan**.
3. Buku alamat anda akan menunjukkan senarai kenalan yang bersepadanan dengan huruf yang anda masukkan.

Untuk menatal melalui senarai kenalan anda, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

Menambah kenalan baru

1. Dari skrin siap sedia  dan pilih **Tambah kenalan**.
2. Pilih sama ada untuk menyimpan kenalan pada **Telefon bimbit** atau **USIM**.
3. Masukkan nama pertama dan akhir kenalan baru anda. Anda tak perlu memasukkan keduanya, tapi anda perlu memasukkan salah satu daripadanya.
4. Masukkan sehingga lima nombor berlainan dan peruntukkan satu jenis untuk setiap satu. Pilih dari **Mudah Alih, Rumah, Pejabat, Kelui, Faks, VT** dan **Umum**. Sentuh **OK**.
5. Tambah e-mel.
6. Peruntukkan kenalan kepada satu atau lebih kumpulan. Pilih daripada **Tiada kumpulan, Keluarga, Rakan-rakan, Rakan sekerja, Sekolah** atau **VIP**.
7. Anda juga boleh menambah **Nada dering, Hari lahir, Ulang tahun, Laman utama, Alamat rumah, Nama syarikat, Jawatan, Alamat syarikat dan Memo**.
8. Sentuh **Simpan** untuk menyimpan kenalan.

Anda boleh membuat kumpulan disesuaikan bagi kenalan anda. Lihat Membuat kumpulan pada halaman 23.



Pilihan kenalan

Banyak yang anda boleh lakukan semasa melihat kenalan. Ini cara untuk mengakses dan menggunakan menu pilihan:


1. Buka kenalan yang anda ingin guna.
Lihat **Mencari kenalan** pada halaman 22.
2. Anda boleh menghubungi atau menghantar mesej secara terus dari sini.
3. Tekan  untuk membuka senarai pilihan. Dari sini anda boleh:
 - **Membuat panggilan video:** Buat panggilan video pada kenalan.
 - **Edit:** Tukar mana-mana butiran kenalan.
 - **Padam:** Padam kenalan. Sentuh **Ya** jika anda pasti.
 - **Salin atau alih ke USIM/Telefon Bimbit:** Pilih untuk alih atau salin ke kad USIM atau telefon bimbit (bergantung kepada dari mana asal anda menyimpan kenalan).
 - **Hantar kad perniagaan:** Hantar butiran kenalan kepada individu lain sebagai kad niaga. Pilih untuk menghantar sebagai **Mesej teks, Mesej multimedia, E-mel** atau melalui **Bluetooth**.

Hantar mesej - Hantar mesej pada kenalan. Jika kenalan mempunyai alamat e-mel, pilih sama ada untuk menghantar e-mel atau SMS/MMS. Lihat halaman 26 untuk maklumat lanjut bagaimana untuk menghantar mesej.

Membuat kumpulan

1. Dari skrin siap sedia sentuh  dan pilih **Kumpulan**.
2. Sentuh .
3. Pilih **Tambah kumpulan**.
4. Masukkan nama untuk kumpulan baru anda.
5. Sentuh **Simpan**.



Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang diberikan kepada kumpulan tersebut tidak akan hilang. Mereka akan tetap berada dalam buku alamat anda.

Anda boleh edit kumpulan yang ada dengan menyerlahkannya dan menyentuh . Pilih untuk Tambah ahli kepada kumpulan daripada kenalan anda, berikan Nada dering kumpulan, Namakan semula kumpulan tersebut atau Padam kumpulan.

Menukar tetapan kenalan anda

Anda boleh menyesuaikan tetapan kenalan anda supaya buku alamat anda sesuai dengan keutamaan anda.

Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

1. Dari skrin siap sedia  sentuh  dan pilih **Tetapan**.
2. Dari sini anda boleh melaraskan tetapan berikut:



- **Tetapan senarai kenalan:** Pilih sama ada untuk melihat kenalan yang disimpan dalam kedua-dua **Telefon bimbit & USIM**, **Telefon bimbit** sahaja atau hanya **USIM**.

Anda juga boleh memilih untuk menunjukkan nama pertama atau nama akhir kenalan terlebih dahulu.

- **Menyegerak kenalan:** Sambung ke pelayan anda untuk menyegerakkan kenalan.
- **Salin:** Salin kenalan anda daripada USIM anda ke telefon bimbit anda atau daripada telefon bimbit anda ke USIM anda.. Pilih untuk melakukan ini satu demi satu, atau semua sekali. Jika anda memilih satu demi satu, anda perlu memilih setiap kenalan untuk menyalin satu demi satu.

- **Memindah:** Ini berfungsi dengan cara yang sama seperti Menyalin, tetapi kenalan hanya akan disimpan di lokasi di mana anda memindahkannya. Oleh itu, jika anda memindah kenalan daripada USIM ke telefon bimbit ia akan dipadamkan daripada memori USIM.
- **Hantar semua kenalan melalui Bluetooth:** Hantar semua kenalan anda kepada peranti lain menggunakan Bluetooth. Anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth jika anda memilih pilihan ini.
- **Membuat sandaran untuk kenalan**
- **Menyimpan semula kenalan**
- **Kosongkan kenalan:** Padam semua kenalan anda. Sentuh **Ya** jika anda pasti anda hendak mengosongkan buku alamat anda.

Memaparkan maklumat

1. Dari skrin siap sedia sentuh  sentuh  dan **Maklumat**.
2. Daripada sini anda boleh melihat **Nombor dail perkhidmatan, Nombor anda sendiri, Maklumat memori anda.** (berapa baki ruang memori yang tinggal) dan **Kad niaga saya**.




Jika anda belum lagi menambah kad niaga untuk diri anda sendiri, pilih Kad niaga saya dan masukkan semua butiran anda yang anda mahu bagi mana-mana kenalan. Sentuh Simpan untuk selesai.

MESEJ

Mesej

KF900 anda menggabungkan SMS, MMS dan e-mel dalam satu menu intuitif dan mudah digunakan.

Terdapat dua cara untuk memasuki pusat mesej:

1. Sentuh  daripada skrin siap sedia.
2. Sentuh  dari skrin siap sedia, kemudian pilih  **Berkomunikasi** kemudian **Mesej**.

Menghantar mesej

1. Sentuh **Mesej baru** dalam tab Berkomunikasi untuk membuka mesej kosong atau pilih **Buat mesej baru** dalam menu Mesej.
2. Dari sini anda boleh menghantar mesej teks atau mesej Multimedia. Untuk menghantar e-mel, pilih **E-mel Baru** dalam tab Berkomunikasi.
3. Sentuh **Masukkan**, untuk tambah imej, video, bunyi atau templat.

4. Sentuh **To1** pada bahagian atas skrin untuk memasukkan nombor penerima, atau sentuh ikon carian untuk membuka buku alamat anda. Sentuh **Hantar**. Masukkan nombor telefon atau sentuh **Kenalan** untuk membuka senarai kenalan anda. Anda boleh menambah kenalan berbilang.

Anda akan di caj bagi setiap mesej teks 160 aksara untuk setiap penerima mesej tersebut.

Sekiranya satu imej, video atau bunyi ditambah kepada SMS ia akan ditukar kepada MMS secara automatik dan anda akan di caj seperti sewajarnya.

Balasan segera - Hantar balasan secara tergesa kepada mesej yang dipilih menggunakan templat.

Memasukkan teks

Terdapat tiga cara untuk memasukkan teks:

T9 mod teks/ Mod teks normal /Pad kekunci Qwerty.

Ketik skrin sekali, papan kekunci akan muncul.



T9 Sentuh untuk menghidupkan teks ramalan T9.

🌐 Anda boleh memilih bahasa penulisan.

123 Ketik untuk menukar pad kekunci nombor, simbol dan teks.

Gunakan **⬆️** untuk menatal menerusi jenis papan kekunci dalam setiap mod entri teks (contohnya, huruf besar dan kecil).

Untuk memasukkan ruang tekan **⬅️**.

Untuk memadam aksara atau mengeluarkan ayat, sentuh kosongkan

⬅️.

Hanya sentuh setiap huruf untuk menulis mesej anda dan tekan:



untuk menukar kepada huruf besar



untuk menambah ruang

Ramalan T9

Dalam mod T9 anda akan melihat **T9**.

Mod T9 menggunakan kamus terbina dalam untuk mengecam perkataan yang anda tulis berdasarkan urutan kekunci yang anda sentuh. Hanya sentuh kekunci nombor yang berkaitan dengan huruf yang anda mahu masukkan, dan kamus akan meramalkan perkataan yang anda mahu gunakan.

Contohnya, tekan 8, 3, 5, 3, 7, 4, 6, 6, 3 untuk menulis 'telephone'.

Jika perkataan yang anda mahu tidak muncul, sentuh **Eja**. Jika anda menyentuh **Eja** anda boleh memasukkan perkataan dengan menggunakan mod manual Abc manual dan perkataan atau nama anda akan ditambah ke dalam kamus.

Manual Abc

Dalam mod Abc anda akan melihat **123**.




Dalam mod Abc anda mesti menyentuh kekunci secara berulang kali untuk memasukkan huruf. Sebagai contoh, untuk menulis 'hello', sentuh 4 dua kali, 3 dua kali, 5 tiga kali, 5 tiga kali sekali lagi, kemudian 6 tiga kali.

PAD KEKUNCI QWERTY


Memasukkan teks

Anda boleh memasukkan aksara alfanumerik dengan menggunakan pad kekunci telefon. Sebagai contoh, menyimpan nama dalam Kenalan, menulis mesej dan membuat penjadualan peristiwa dalam kalendar semuanya memerlukan kemasukan teks. Kaedah input teks berikut tersedia dalam telefon: Mod manual ABC dan mod 123.

Sesetengah medan mungkin hanya membenarkan satu mod input teks (cthnya nombor telefon dalam medan buku alamat).


Untuk input simbol dalam medan kemasukan teks, tekan kekunci  dan pilih simbol, kemudian pilih **OK**. Tatal menggunakan kekunci navigasi untuk menunjukkan lebih banyak pilihan simbol. Lengkapkan setiap kata dengan ruang dengan menekan kekunci . Untuk memadamkan aksara, tekan kekunci .

Mod input teks menggunakan pad kekunci

Apabila anda perlu memasukkan teks, contohnya semasa menulis mesej, pad kekunci akan lalai kepada mod ABC. Jika anda ingin memasukkan nombor, contohnya semasa membuat panggilan, kekunci nombor pad kekunci akan lalai kepada nombor. Dalam mod ABC anda boleh memasukkan nombor dengan menekan  dahulu dan kemudian nombor yang anda mahu.

Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda

Untuk menghantar/menerima e-mel, anda hendaklah menyediakan akaun e-mel (lihat di bawah).


1. Sentuh  daripada skrin siap sedia, dan pilih **Mesej**.
2. Pilih Buat mesej baru- **E-mel** dan e-mel baru akan terbuka. Atau, jika anda pilih **E-mel Baru** dalam tab Berkomunikasi, anda boleh masukkan menu ini secara terus.
3. Anda boleh memasukkan alamat penerima dan tulis mesej anda. Anda juga boleh melampirkan imej, video, bunyi atau jenis fail yang lain.
4. Masukkan mesej anda menggunakan pad kekunci.

5. Pilih **Pilihan** dan pilih lampiran untuk ditambah: **Imej/Video/bunyi/Templat/Emotikon/Bcc/Tandatangan/Nama&Nombor/Lagi (Kad niaga/Jadual/Memo/Tugasan/Kad Niaga Saya/Kandungan Flash/Dokumen/Fail lain)**.

Menyediakan e-mel anda

Anda boleh kekal berhubung sambil bergerak menggunakan e-mel pada KF900 anda. Ia cepat dan mudah untuk membuat persediaan akaun e-mel POP3 atau IMAP4.

Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.



1. Sentuh  daripada skrin siap sedia, dan sentuh **Mesej**.
2. Pilih **Tetapan**.
3. Sentuh **Kotak mel** kemudian **Akaun e-mel**.
4. Sentuh **Tambah akaun**.
5. Sekarang anda boleh memilih cara akaun anda berfungsi:
 - **Kata laluan:** Masukkan kata laluan akaun.
 - **Nama pengguna:** Masukkan nama pengguna akaun.
 - **Jenis kotak mel:** Masukkan jenis kotak mel, POP3 atau IMAP4.

- **Pelayan mel masuk:** Masukkan alamat pelayan e-mel masuk
- **Pelayan mel keluar:** Masukkan alamat pelayan e-mel keluar
- **Pengesahan SMTP:** Pilih tetapan keselamatan bagi pelayan mel keluar.
- **Nama akaun:** Sekarang akaun anda sudah disediakan, ia akan muncul dalam senarai akaun dalam folder E-mel anda.

Mengambil semula e-mel anda

Anda boleh memeriksa akaun anda secara automatik atau manual untuk e-mel baru. Lihat **Menukar tetapan e-mel anda** pada halaman 30 untuk memeriksa secara automatik.


Untuk menyemak secara manual:

1. Sentuh  kemudian **Mesej**.
2. Pilih **Kotak mesej**.
3. Sentuh akaun anda mahu gunakan, kemudian .
4. Pilih **Ambil semula atau Menyegerakkan** dan KF900 anda akan menyambungkan kepada akaun e-mel anda dan ambil semula mesej baru anda.

Menukar tetapan e-mel anda

Anda boleh menukar tetapan e-mel anda mengikut keutamaan anda.

Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

1. Sentuh  daripada skrin siap sedia, dan sentuh **Mesej**.
2. Pilih **Tetapan**.
3. Sentuh **E-mel** dan kemudian anda boleh menyesuaikan tetapan berikut:
 - **Akaun e-mel:** Buat persediaan akaun E-mel.
 - **Membolehkan membalas E-mel:** Pilih untuk membolehkan penghantaran mesej pengesahan bacaan.
 - **Meminta balasan E-mel:** Pilih sama ada untuk meminta mesej pengesahan baca.
 - **Ambil semula selaan:** Pilih berapa kerap KF900 anda untuk memeriksa mesej e-mel baru.
 - **Jumlah ambil semula:** Pilih bilangan e-mel untuk diambil semula pada satu masa.
 - **Masukkan mesej dalam Kirim Semula & Balas:** Pilih untuk termasuk mesej asal dalam balasan anda.
 - **Sertakan lampiran:** Pilih untuk menyertakan lampiran asal dalam mana-mana balasan.

- **Ambil semula Auto semasa Rayau:** Pilih sama ada untuk mengambil semula mesej anda secara automatik semasa di luar negara (rayau).
- **Pemberitahuan e-mel baru:** Pilih jika untuk diberitahu tentang e-mel baru.
- **Tandatangan:** Buat tandatangan e-mel dan hidupakan ciri ini.
- **Keutamaan:** Pilih tahap keutamaan mesej e-mel anda.

Folder mesej

Anda akan mengecam struktur folder yang digunakan pada KF900, yang mana jelas dengan sendirinya.

- **Peti masuk:** Semua mesej yang anda terima ditempatkan dalam peti masuk anda. Dari sini anda boleh melihat, memadam dan lebih lagi, lihat **Menguruskan mesej anda** di bawah untuk butiran. Anda boleh memasukkan menu ini melalui **Kotak mesej**.
- **Peti mel:** Semua e-mel yang terima pada KF900 anda akan ditempatkan pada peti mel anda.
- **Draf:** Jika anda tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk selesai menulis mesej, anda boleh menyimpan apa yang telah anda tulis setakat ini di sini.
- **Peti keluar:** Ini adalah folder penyimpanan sementara apabila mesej sedang dihantar.

- **Item Dihantar:** Semua mesej yang telah anda hantar akan ditempatkan dalam folder ini.
- **Folder Saya:** Buat folder untuk menyimpan mesej anda.

Menguruskan mesej

Anda boleh menggunakan Peti masuk untuk menguruskan mesej anda.

Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.


1. Sentuh **Mesej** kemudian **Peti masuk**.
Atau, anda boleh masuk menu ini melalui **Kotak mesej** dalam tab Berkomunikasi.
2. Sentuh  dan kemudian pilih untuk:
 - **Padam:** Padam mesej yang ditanda.
 - **Tukar paparan:** Anda boleh menukar gaya paparan menu.
 - **Buat mesej baru:** Buka mesej atau e-mel baru yang kosong.
 - **Pindah ke folder saya:** Pindahkan mesej yang ditanda ke Folder saya.
 - **Tapis:** Lihat mesej anda mengikut jenis. Ini akan mengumpulkan hanya mesej teks secara berasingan dari MMS.
 - **Padam semua:** Padam semua mesej.

Jika anda melihat Tiada ruang untuk mesej USIM anda perlu memadam beberapa mesej daripada peti masuk anda.

Jika anda lihat mesej Tiada ruang untuk mesej anda boleh memadam sama ada mesej atau fail yang disimpan untuk mewujudkan ruang.


Menggunakan templat

Membuat templat untuk mesej SMS dan MMS yang anda paling kerap hantar. Anda akan mendapati bahawa beberapa templat telah sedia ada pada telefon anda, anda boleh mengeditnya jika anda mahu.

1. Sentuh **Mesej** kemudian pilih **Templat**.
2. Pilih **Templat teks** atau **Templat multimedia**. Anda boleh sentuh  untuk **Tambah baru**, **Padam** atau **Padam semua** templat.

Menggunakan emotikon

Cerikan mesej anda menggunakan emotikon. Anda akan mendapati beberapa emotikon yang biasa digunakan pada telefon anda.

1. Sentuh **Mesej** kemudian pilih **Emotikon**.
2. Sentuh  untuk **Tambah baru**, **Padam** atau **Padam semua** emotikon.

Menukar tetapan mesej teks anda

Tetapan mesej KF900 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Tetapan ini boleh ditukar mengikut keutamaan anda.

Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luruskan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

Sentuh **Mesej** kemudian pilih **Tetapan** dan **Mesej teks**. Anda boleh buat perubahan kepada:

- **Pusat mesej teks:** Masukkan butiran pusat mesej anda..
- **Laporan penghantaran:** Gelangsarkan suis sebelah kiri untuk terima pengesahan bahawa mesej anda telah dihantar.
- **Tempoh kesahan:** Pilih berapa lama mesej anda akan disimpan dalam pusat mesej.
- **Jenis mesej:** Tukar teks anda kepada **Suara, Faks, X.400** atau **E-mel**.
- **Pengekodan aksara:** Pilih bagaimana aksara anda akan dikodkan. Ini akan menjelaskan saiz mesej anda dan juga caj data.
- **Hantar teks panjang sebagai:** Pilih untuk menghantar mesej panjang sebagai SMS Berbilang atau satu MMS.

Menukar tetapan mesej multimedia anda


Tetapan mesej KF900 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Tetapan ini boleh ditukar mengikut keutamaan anda.

Sentuh **Mesej** kemudian pilih **Tetapan mesej** dan **Mesej multimedia**. Anda boleh buat perubahan kepada:

- **Mod ambil semula:** Pilih **rangkaian Rumah** atau **Perayaan**. Jika kemudian anda memilih Manual anda hanya akan menerima pemberitahuan MMS dan anda seterusnya boleh membuat keputusan sama ada untuk memuat turun nya sepenuhnya.
- **Laporan penghantaran:** Pilih untuk membolehkan dan/atau meminta laporan penghantaran.
- **Baca balasan:** Pilih untuk membenarkan dan/atau menghantar balasan dibaca.
- **Keutamaan:** Pilih tahap keutamaan MMS anda.
- **Tempoh Kesahan:** Pilih tempoh masa mesej anda disimpan di pusat mesej.
- **Tempoh slaid:** Pilih berapa lama slaid anda muncul pada skrin.
- **Mod pembuatan:** Pilih mod mesej anda.
- **Masa penghantaran:** Pilih berapa lama sebelum mesej dihantar.
- **Pusat mesej teks:** Masukkan butiran pusat mesej anda.


Menukar tetapan lain

Sentuh **Mesej** , kemudian pilih **Settings**:

- **Mel suara:** Sentuh  untuk tambah perkhidmatan Mel suara. Hubungi operator rangkaian anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang mereka sediakan.
- **Mesej perkhidmatan:** Pilih untuk menerima atau menyekat mesej perkhidmatan. Anda juga boleh menetapkan keselamatan mesej anda dengan membuat senarai penghantar yang dipercayai dan yang tidak dipercayai.
- **Maklumat perkhidmatan:** Pilih status penerimaan anda, bahasa dan tetapan lain.

KAMERA







Menangkap foto pantas

1. Tekan kekunci  pada sebelah kanan telefon.
2. Pencari pandangan akan muncul pada skrin.
3. Dengan memegang telefon secara mendatar, tujukan lensa kepada subjek gambar.
4. Tekan sedikit butang tangkap, kotak fokus akan muncul di bahagian tengah skrin pencari pandangan.
5. Letakkan telefon supaya anda boleh melihat subjek foto anda dalam peti fokus.
6. Apabila kotak fokus menjadi hijau dan nada bunyi kamera telah fokus kepada subjek anda.
7. Tekan butang tangkap sepenuhnya.


Sesudah mengambil foto

Gambar yang anda tangkap akan muncul pada skrin. Nama imej akan berjalan di bahagian bawah skrin bersama lima ikon di bahagian bawah kanan.



-  Pergi ke galeri gambar secara terus.
-  Sentuh untuk menghantar foto sebagai mesej, e-mel atau Bluetooth..
-  Sentuh untuk mengedit imej menggunakan pelbagai alatan.
-  Sentuh untuk tetapkan gambar yang telah anda ambil sebagai Penghias Latar.
-  Sentuh untuk padam foto yang baru sahaja anda ambil dan sahkan dengan menyentuh **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.
-  Sentuh untuk terus mengambil foto lain. Gambar semasa anda akan disimpan.


Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan




Pilihan pintasan hilang selepas beberapa saat secara automatik. Hanya sentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk mengingati kembali pilihan, sentuh skrin semula.

Menggunakan denyar


Denyar ditetapkan kepada auto secara lalai, tetapi ada pilihan lain.

1. Pilih  daripada sisi kanan pencari pandangan untuk memasuki sub-menu denyar.
 2. Terdapat tiga pilihan denyar:
 - **Auto:** Kamera anda akan menilai pencahayaan yang diperlukan untuk mengambil gambar yang baik dan menggunakan denyar sebagaimana diperlukan.
 - **Sentiasa dihidupkan:** Denyar akan sentiasa dihidupkan.
 - **Sentiasa mati:** Kamera tidak akan memancar. Ini berguna jika anda hendak menjimat kuasa bateri.
 - **Semasa mengambil gambar:** Kamera akan memancar semasa mengambil gambar.
 3. Sentuh pilihan denyar yang anda hendak guna.
 4. Apabila anda telah membuat pilihan menu denyar akan tutup secara automatik, sedia untuk anda mengambil gambar anda.
 5. Ikon status denyar dalam pencari pandangan akan bertukar mengikut mod denyar baru anda.

Memilih jenis tangkapan


1. Sentuh  untuk membuka jenis tangkapan yang tersedia.
2. Pilih dari tiga pilihan berikut:
 - **Tangkapan normal:** Ini jenis tangkapan lalai, gambar diambil dengan cara biasa, seperti yang digariskan dalam Mengambil foto segera.
 - **Tangkapan bertubi:** Ini membolehkan anda untuk mengambil sembilan tangkapan secara automatik dalam turutan yang pantas.
 - **Panorama:** jenis tangkapan ini hebat untuk mengambil foto kumpulan orang yang besar atau untuk menangkap pandangan panoramik.

Mengambil tangkapan bertubi

1. Sentuh  buka jenis tangkapan yang tersedia dan pilih **Tangkapan bertubi** kemudian pilih bilangan tangkapan.
2. Letak subjek dalam pencari pandangan dan tekan butang tangkap sebagaimana anda mengambil foto biasa.
3. Anda boleh menyimpan salah satu tangkapan. Pilih yang anda hendak simpan dengan menyentuh imej kecil: sekali untuk melihat dan sentuh Simpan untuk menyimpan.

Mengambil tangkapan panorama



Tangkap gambar kehidupan sebenar dengan menggunakan tangkapan panorama. Kamera akan membenarkan anda mengambil tiga keping foto, semuanya sejajar, dan menggabungkannya ke dalam satu imej sudut lebar.

1. Sentuh  untuk membuka jenis tangkapan yang tersedia dan pilih **Tangkapan bertubi**.
2. Ambil foto pertama seperti biasa. Versi berhantu sisi kanan imej akan muncul dalam pencari pandangan.
3. Apabila anda mengambil foto kedua dan ketiga, sejajarkan hantu imej sebelumnya dengan imej dalam pencari pandangan.
4. Dalam galeri foto, foto akan disimpan sebagai imej panorama.

Disebabkan oleh saiz imej foto panorama akan kelihatan sedikit herot dalam pandangan Galeri. Sentuhnya dua kali untuk melihatnya dengan betul.

Melaraskan pendedahan

Pendedahan menjelaskan perbezaan antara cerah dan gelap dalam imej. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala imej berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

1. Dari pencari pandangan sentuh untuk membuka semua pilihan tetapan lanjut.
2. Sentuh **Pendedahan**.
3. Gelangsarkan penunjuk kontras di sepanjang bar, ke arah  bagi pendedahan yang lebih rendah, imej berkabus atau ke arah  bagi pendedahan yang lebih tinggi, imej yang lebih tajam.

Menggunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan sentuh  untuk membuka semua pilihan tetapan lanjut.

Tetapan pratonton

- **Pendedahan:** Nilai pendedahan merujuk kepada jumlah cahaya bagi sesuatu pendedahan. Apabila subjek utama adalah lebih gelap daripada latar belakang, tingkatkan nilai pendedahan. Jika subjek adalah lebih cerah daripada latar belakang, kurangkan nilai pendedahan.
- **Saiz:** Tukar saiz foto untuk menyimpan ruang memori atau ambil gambar pratetap untuk membetulkan saiz untuk kenalan. Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 39.
- **Kesan Warna:** Pilih ton warna untuk digunakan pada foto yang anda sedang ambil. Lihat **Memilih kesan warna** pada halaman 39.
- **Iimbangan putih:** Pilih daripada Auto, Pijar, Cerah, Pendaflour atau Mendung.
- **Makro:** Hidupkan untuk mengambil tangkapan jarak dekat.
- **Pemasa sendiri:** Pemasa sendiri membolehkan anda menetapkan tunda selepas butang tangkap ditekan. Pilih daripada **3 saat**, **5 saat** atau **10 saat**. Bagus untuk foto kumpulan yang anda ingin sertai.

- **ISO:** ISO menentukan sensitiviti pegasan cahaya kamera. Semakin tinggi ISO, semakin sensitif kamera. Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila denyar tidak boleh digunakan. Pilih nilai ISO daripada **Auto**, **ISO 100**, **ISO 200**, **ISO 400** atau **ISO 800**.
- **Kualiti:** Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Lebih halus kualitinya, lebih tajam foto itu tetapi saiz fail akan meningkat dan ini bermakna hanya sedikit foto yang boleh anda simpan di dalam memori telefon anda.
- **Kamera Dalaman/Luaran:** Untuk potret sendiri, tukar kepada kamera dalaman LG KF900.

Tetapan lain


- **Memori:** Pilih sama ada untuk menyimpan foto anda kepada memori Telefon bimbit atau kepada memori Luaran.
- **Penstabilan Imej:** Membolehkan anda mengambil foto tanpa kestabilan kamera atau getaran.
- **Fokus:** Pilih daripada Hidup atau Matikan.
- **Bunyi pengatup:** Pilih satu daripada tiga bunyi pengatup.
- **Skrin grid:** Pilih daripada Mati, Silang mudah atau Pembahagian tiga sama
- **Tetap semula tetapan:** Tetap semula semua tetapan kamera.

Apabila anda keluar dari kamera, semua tetapan anda akan kembali ke lalai, kecuali saiz imej dan kualiti imej. Apa-apa tetapan bukan lalai yang anda perlukan mesti diset semula, sebagai contoh ton warna dan ISO. Periksanaya sebelum anda menangkap foto anda yang seterusnya.


Menu tetapan akan menindan pencari pandangan, jadi apabila anda menukar elemen warna imej atau kualiti anda akan dapat melihat pratonton pertukaran imej di belakang menu tetapan.

Menukar saiz imej

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil banyak ruang memori. Jika anda hendak memuatkan lebih banyak gambar pada telefon anda, anda boleh mengubah nombor piksel untuk mengecilkan saiz fail.

1. Daripada pencari pandangan sentuh  di sudut kiri bahagian atas.
2. Pilih **Saiz** daripada menu Pratonton.
3. Pilih nilai piksel daripada enam pilihan angka (**5M: 2592x1944, 3M: 2048x1536, 2M: 1600x1200, 1M: 1280x960, 640x480, 320x240**) atau pilih praset:




Memilih kesan warna

1. Daripada pencari pandangan sentuh  di sudut kiri bahagian atas.
2. Pilih **Kesan Warna** daripada menu Pratonton.
3. Terdapat lima pilihan ton warna: **Mati, Hitam & Putih, Negatif** atau **Sepia**.
4. Apabila anda telah membuat pilihan anda menu warna ton akan ditutup selepas memilih semula ikon, bersedia untuk anda mengambil gambar.

Anda boleh menukar foto yang diambil ke dalam warna hitam dan putih atau sepia selepas ia ditangkap, tapi anda tidak boleh menukar gambar yang diambil dalam warna hitam dan putih atau sepia kembali kepada warna.


KAMERA VIDEO







Menangkap video pantas

1. Sentuh kamera Video dalam tab Hiburan.
2. Pencari pandangan kamera video akan muncul pada skrin.
3. Memegang telefon secara mendatar, mengarahkan kanta ke arah subjek video.
4. Tekan butang tangkap sekali untuk mula merakam.
5. **REC** akan muncul di bahagian atas pencari pandangan dan pemasa dibawah menunjukkan panjang video anda.
6. Untuk menjeda sentuhan video  dan sambungkan dengan memilih .
7. Sentuh  pada skrin atau tekan butang tangkap buat kali kedua untuk menghentikan rakaman.


Selepas anda telah menangkap video anda

Imej pegun memaparkan video yang ditangkap akan muncul pada skrin. Nama imej akan berjalan di bahagian bawah skrin bersama lima ikon di bahagian bawah kanan.



-  Sentuh untuk mainkan video.
-  Sentuh untuk menghantar video sebagai Mesej atau E-mel atau melalui Bluetooth. Lihat halaman 26 untuk Menghantar Mesej, atau halaman 70 untuk Menghantar dan menerima fail menggunakan Bluetooth.
-  Sentuh untuk mengedit fail video.
-  Sentuh untuk melihat galeri video yang disimpan.
-  Sentuh untuk padam foto yang baru sahaja anda ambil dan sahkan dengan menyentuh Ya. Pencari pandangan akan muncul semula.
-  Sentuh untuk merakam terus video yang lain. Video semasa anda akan disimpan.




Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan



Pilihan pintasan hilang selepas beberapa saat secara automatik. Hanya sentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk mengingatkan kembali pilihan, sentuh skrin semula.

Melaraskan Pendedahan

Pendedahan menjelaskan perbezaan antara cerah dan gelap dalam imej. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala imej berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

1. Sentuh .
2. Gelangsarkan penunjuk pendedahan di sepanjang bar, ke arah  bagi pendedahan yang lebih rendah, imej berkabus atau ke arah  bagi pendedahan yang lebih tinggi, imej yang lebih tajam.

Menggunakan tetapan lanjutan

Daripada pencari pandangan sentuh Tetapan untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Tetapan pratonton

- **Saiz video:** Tukar saiz video untuk menjimatkan ruang memori. Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 43.
- **Kesan Warna:** Pilih ton warna untuk digunakan pada foto yang anda sedang ambil. Lihat **Memilih ton warna** pada halaman 43.
- **Imbangan putih:** Imbangan putih memastikan bahawa mana-mana warna putih dalam video anda adalah realistik. Untuk membolehkan kamera menyesuaikan imbangan putih dengan betul, anda mungkin perlu menentukan

keadaan cahaya. Pilih dari **Auto**, **Pijar**, **Cerah**, **Pendarfluor** atau **Mendung**.

- **Kualiti:** Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Lebih halus kualiti lebih tajam video yang akan diperolehi tetapi sebagai hasilnya saiz fail akan meningkat yang bermaksud anda boleh menyimpan video yang lebih sedikit dalam memori telefon anda.
- **Tetapkan masa:** Tetapkan had tempoh untuk video anda. Pilih daripada **Tiada had**, atau **MMS** untuk hadkan saiz bagi membolehkan menghantar video sebagai MMS.

Jika anda memilih tempoh MMS, cuba pilih kualiti imej lebih rendah untuk membolehkan anda menangkap video lebih panjang.

- **Kamera dalaman:** Bertukar kepada kamera dalaman KF900 anda untuk merakam video anda sendiri.

Tetapan lain

- **Memori:** Pilih sama ada untuk menyimpan video anda kepada memori **Telefon bimbit** atau **kepada memori Luaran**.
- **Suara:** Pilih Bisu untuk merakam video tanpa suara.
- **Tetapan semula tetapan:** Tetap semula semua tetapan kamera video.


Menukar saiz imej video

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil lebih banyak ruang memori. Jika anda hendak memuatkan lebih banyak video pada telefon anda, anda boleh mengubah nombor piksel untuk mengecilkan saiz fail.

1. Daripada pencari pandangan sentuh **Tetapan** di sudut kiri bahagian atas.
2. Pilih **Saiz video** daripada menu Pratonton.
3. Pilih nilai piksel daripada lima pilihan:
 - 720x480 (D1)**, **640x480 (VGA)** – Pilihan skrin lebar berkualiti paling tinggi.
 - 400x240 (Wide)** – Ini juga adalah skrin lebar, tapi resolusi yang lebih rendah.
 - 640x480 (VGA)** – Saiz standard VGA.
 - 320x240 (QVGA)** – Saiz imej lebih kecil, oleh itu saiz fail lebih kecil. Hebat untuk menjimat ruang memori.
 - 176x144 (QCIF)** – Saiz imej terkecil, oleh itu saiz fail juga terkecil.
4. Pilih pilihan saiz yang anda mahu gunakan.

Untuk perisian pertukaran format video, lihat CD yang anda terima dengan KF900 anda.

Memilih ton warna



1. Daripada pencari pandangan sentuh  di sudut kiri bahagian atas.
2. Pilih **Kesan Warna** daripada menu tetapan.
3. Terdapat lima pilihan ton warna: **Mati**, **Hitam & Putih**, **Negatif**, **Sepia**.
4. Sentuh ton warna yang anda mahu gunakan.

Anda boleh menukar tangkapan video dalam warna kepada hitam dan putih atau sepia selepas ia diambil, tetapi anda tidak boleh tukar tangkapan video dalam hitam dan putih atau kembali pada sepia ke warna.

Anda masih boleh ubah saiz imej, kualiti video, tempoh, bisu, keseimbangan putih, ton warna dan memori dengan menyentuh Tetapan dalam cara yang sama apabila menggunakan kamera utama.

FOTO DAN VIDEO ANDA

Melihat foto dan video anda

1. Sentuh  pada skrin pratonton kamera anda.
2. Galeri anda akan muncul pada skrin.
3. Sentuh video atau foto dua kali untuk membukanya secara penuh.
4. Video akan mula bermain secara automatik. Untuk menjedakan main semula sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan dan pilih .

Petik kiri atau kanan untuk melihat foto atau video lain.

Untuk memadam foto atau video, bukanya dan pilih . Sentuh Ya untuk mengesahkannya.

Melaraskan kelantangan apabila melihat video

Untuk melaraskan kelantangan audio pada video semasa ia sedang dimainkan, gelangsarkan penanda ke atas dan ke bawah bar kelantangan pada sisi kiri skrin.

Melihat foto anda sebagai pertunjukan slaid





Mod pertunjukkan slaid akan menunjukkan semua foto dalam galeri satu demi satu sebagai pertunjukkan slaid. Video tidak boleh dipaparkan sebagai pertunjukkan slaid.

1. Sentuh dua kali pada foto yang hendak anda mulakan pertunjukkan slaid untuk membukanya.


2. Pilih .

3. Pertunjukkan slaid akan mula.

Terdapat pilihan di dalam tayangan slaid:

-  Sentuh sekali lagi untuk sambung main balik.
-  Sentuh untuk jeda tayangan slaid pada foto tertentu.
-  Rawak On/ Off
-  Sentuh untuk meningkatkan atau menurunkan kelajuan pertunjukkan slaid.


Menetapkan foto sebagai penghias latar

1. Sentuh dua kali foto yang hendak anda set sebagai penghias latar untuk membukanya.
2. Sentuh .
3. Skrin akan beralih ke mod potret. Anda boleh menukar saiz gambar.
4. Apabila anda gembira dengan gambar tersebut sentuh **Tetap**.


Mengedit foto anda


Terdapat banyak perkara menarik yang boleh anda lakukan pada foto anda untuk mengubahnya, tambah padanya atau mencantikkannya sedikit.




